

12 OCT 1997

Mahathir-perutusan

TANGGUNGJAWAB ASIA PASIFIK MEMERANGI KEMISKINAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara di rantau Asia Pasifik mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu golongan miskin keluar dari belunggu kemiskinan dan memastikan mereka menikmati keperluan asas.

Perdana Menteri berkata sebahagian besar negara-negara di rantau ini masih diuliti kemiskinan sedangkan rantau ini merupakan antara kawasan yang kaya dengan sumber semula jadi di dunia.

Masalah kemiskinan lebih ketara di kalangan wanita luar bandar yang masih menjadi "penduduk yang termiskin di kalangan yang miskin" di banyak negara, katanya dalam perutusan dalam buku cenderamata sempena Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Serantau mengenai Pembangunan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Pulau Asia Pasifik (RSC-AP) yang akan dibuka dengan rasmi di sini esok.

"Kita agak bernasib baik kerana mempunyai hubungan kerjasama yang baik di kalangan negara-negara di rantau ini yang membolehkan kita berkongsi dan berbincangan dengan yang lain mengenai pelbagai isu kepentingan bersama," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia berjaya mengatasi masalah kemiskinan menerusi rancangan pembangunan lima tahunnya sejak 1960an yang menghasilkan penurunan kadar kemiskinan daripada 42.4 peratus pada 1976 kepada 9.6 peratus tahun lepas.

Meskipun begitu banyak lagi usaha yang perlukan dilakukan, katanya.

Dr Mahathir berkata mesyuarat RSC-AP mencerminkan komitmen tinggi anggota-anggotanya terhadap pembangunan ekonomi wanita luar bandar di rantau ini dan berharap ia akan membuahkan hasil yang boleh dikongsi sebagai satu warisan bersama.

RSC-AP yang mempunyai 14 anggota terdiri daripada Wanita Pertama, tokoh wanita dan isteri ketua-ketua kerajaan, ditubuhkan selepas mesyuarat pertama Wanita Pertama/Wakil Wanita Pertama Rantau Asia Pasifik Region pada 5 September tahun lepas sempena Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing.

Mesyuarat enam hari itu yang bermula semalam dihadiri oleh wakil-wakil dari Pakistan, Iran, India, Vietnam, Australia, Maldives, Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, Filipina, Kazakhstan, China, Tonga, dan Uzbekistan; dan pemerhati dari Jepun, Thailand dan Brunei.

Tujuh negara akan diwakili oleh Wanita Pertama -- Begum Kulsoom dari Pakistan, Zohreh Khatami Sadeghi (Iran), Usha Narayanan (India), Vo Thi Le (Vietnam), Erenjavyn Shurentsetseg (Mongolia) dan Mairam Akaeva (Kyrgyzstan).

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Pengerusi RSC-AP juga akan hadir.-- BERNAMA

RAZ oba